



LEMBAGA PELABUHAN KELANG
(PORT KLANG AUTHORITY)
Beg Berkunci 202,
Jalan Pelabuhan Utara,
42005 Pelabuhan Klang
SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.

Tel: 603-3168 8211
Fax: 603-3168 9117
603-3168 8228
603-3168 8229
603-3167 0211

Laman Web: www.pka.gov.my
Email: onestopagency@pka.gov.my
ISO 9001:2015 & ISO/IEC 27001:2013

(JAB. ZON BEBAS, JAB. DAGANGAN BERBAHAYA & JAB. TEKNOLOGI MAKLUMAT)

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami:

Tarikh :

LPK:PB/600-4/1 Jld. 3 (15)

31 Mei 2021

Y.Bhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

**PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG
BIL. 11/2021**

**PENGOPERASIAN PELABUHAN DI PELABUHAN KLANG SEPANJANG TEMPOH
PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (TOTAL LOCKDOWN)
FASA PERTAMA YANG BERMULA PADA 1 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021**

Saya dengan segala hormatnya merujuk kepada Kenyataan Media Pejabat Perdana Menteri (PMO) bertarikh 28 Mei 2021 (**Lampiran 1**) dan Siaran Media Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bertarikh 31 Mei 2021 (**Lampiran 2**) berhubung Perintah Kawalan Pergerakan (Total Lockdown) Fasa Pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari yang akan bermula pada 1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021.

2. Berdasarkan kepada situasi terkini peningkatan penularan wabak COVID-19 di Malaysia, Kerajaan akan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (Total Lockdown) di seluruh negara. Semua sektor tidak dibenarkan untuk beroperasi kecuali sektor ekonomi dan perkhidmatan perlu yang disenaraikan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

3. Seperti yang telah diumumkan oleh YB Menteri Kanan Pertahanan pada 30 Mei 2021 dan Siaran Media Kementerian Pengangkutan Malaysia pada 31 Mei 2021, syarikat logistik, lapangan terbang dan pelabuhan disenaraikan sebagai perkhidmatan perlu yang dibenarkan beroperasi pada tahap optimum semasa tempoh PKP ini. Syarikat logistik adalah merujuk kepada syarikat yang berkaitan dengan pengangkutan darat, laut dan udara serta pengendalian barangan termasuk

perniagaan e-Dagang (sila rujuk senarai penuh dalam **Lampiran 2**). Pengendali mestilah memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh MKN dan KKM.

4. Semua syarikat logistik, lapangan terbang dan pelabuhan yang beroperasi dalam tempoh PKP ini dikehendaki untuk memuat turun surat kelulusan yang baru daripada Sistem SMILE MOT di pautan <https://application.mot.gov.my> untuk membolehkan syarikat beroperasi pada Fasa Pertama sekatan pergerakan atau 'lockdown' ini. Semua surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Sistem SMILE sebelum ini adalah terbatal dan tidak sah. Surat kelulusan tersebut dan surat majikan perlu dibawa oleh mana-mana pekerja syarikat yang dikehendaki untuk bekerja dalam tempoh PKP ini. Bagi mana-mana syarikat logistik, lapangan terbang dan pelabuhan yang belum berdaftar, permohonan baru hendaklah dihantar segera melalui Sistem SMILE. Kegagalan untuk mendapatkan surat kelulusan akan menyebabkan syarikat tidak dapat beroperasi dalam tempoh PKP ini.

5. Selari dengan itu, Operator Terminal (Northport dan Westports) serta Port Klang Free Zone akan terus **beroperasi seperti biasa (24 jam pada setiap hari) secara optimum** dan akan memperuntukkan segala keperluan perkhidmatan bagi aktiviti pelabuhan dan logistik untuk menampung keperluan negara dalam tempoh kritikal ini.

6. Bagi memastikan operasi pelabuhan yang dikendalikan oleh pihak Northport dan Westports berjalan dengan lancar dan berkesan, **semua kontena dan kargo yang dipunggah dari kapal perlu dikeluarkan dari kawasan pelabuhan pada kadar segera.**

7. Di samping itu, pihak Kastam dan Agensi-Agensi Kerajaan yang lain akan terus beroperasi seperti biasa bagi membantu para pemain industri untuk mempercepatkan proses pengeluaran kontena / kargo.

8. Semua pengikraran yang melibatkan Lembaga Pelabuhan Kelang seperti pengikraran Dagangan Berbahaya dan pengikraran Zon Bebas akan dikendalikan melalui Sistem e-DCFZ. Sebarang pertanyaan boleh disalurkan kepada pegawai yang tersenarai di dalam laman web LPK.

9. Sepanjang tempoh ini, Ibu Pejabat LPK, pejabat Operator Pelabuhan (Northport & Westports), pejabat Port Klang Free Zone serta pejabat *Vessel Traffic Management System* (VTMS) tidak akan dibuka kepada orang awam atau lawatan rasmi. Sebagai tambahan, LPK juga telah mewujudkan talian bantuan bagi menjawab pertanyaan berhubung operasi di pelabuhan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) (**Lampiran 3**) dan Prosedur Operasi Standard (**Lampiran 4**) untuk dipatuhi oleh semua pengguna pelabuhan dan pemain industri logistik di Pelabuhan Klang.


10. LPK menyeru kepada semua pengguna pelabuhan untuk mengambil semua langkah yang perlu bagi memastikan keselamatan dan kesihatan warga kerja di dalam tempoh sukar ini dan mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan, LPK dan Operator Pelabuhan.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KAPT. K. SUBRAMANIAM)
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang



KENYATAAN MEDIA PEJABAT PERDANA MENTERI

Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) Mengenai Pengurusan COVID-19 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri petang tadi telah memutuskan untuk melaksanakan **penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi** ataupun '**total lockdown**' Fasa Pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula **1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021**.

Sepanjang tempoh ini, **SEMUA** sektor **TIDAK DIBENARKAN** untuk beroperasi KECUALI sektor ekonomi dan perkhidmatan perlu (*essential economic and service sector*) yang akan disenaraikan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Keputusan ini dibuat selepas mengambil kira situasi terkini penularan COVID-19 di Malaysia dengan jumlah kes harian telah melebihi 8,000 kes dan kes aktif melebihi 70,000 kes. Setakat hari ini, seramai 2,552 orang telah meninggal dunia akibat wabak ini dan jumlah kematian semakin meningkat. Kewujudan varian-varian baharu yang lebih ganas dengan kadar kebolehjangkitan yang tinggi dan pantas juga turut mempengaruhi keputusan hari ini.

Dengan peningkatan kes-kes harian yang menunjukkan trend kenaikan secara lebih mendadak sejak mutakhir ini, kapasiti hospital di seluruh negara untuk merawat pesakit COVID-19 juga semakin terhad.

Sekiranya lockdown Fasa Pertama ini berjaya mengurangkan kes-kes harian COVID-19, Kerajaan akan melaksanakan *lockdown* Fasa Kedua, iaitu dengan membenarkan pembukaan semula beberapa sektor ekonomi yang tidak melibatkan perhimpunan yang besar serta boleh mematuhi penjarakan fizikal. *Lockdown* Fasa Kedua ini akan

dilaksanakan untuk tempoh empat minggu selepas Fasa Pertama berakhir.

Setelah berakhirnya lockdown Fasa Kedua, langkah seterusnya ialah memasuki Fasa Ketiga, iaitu melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan seperti yang berkuat kuasa pada masa ini di mana aktiviti sosial tidak dibenarkan dan hampir semua sektor ekonomi dibenarkan beroperasi tertakluk kepada SOP yang ketat serta kehadiran secara fizikal di tempat kerja yang dihadkan.

Walau bagaimanapun, keputusan untuk beralih dari satu fasa ke fasa yang berikutnya akan tertakluk kepada penilaian risiko oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Penilaian akan dibuat berdasarkan perkembangan kes-kes harian semasa dan kapasiti hospital di seluruh negara untuk merawat pesakit COVID-19.

Kerajaan akan memastikan sistem kesihatan awam di negara kita tidak akan runtuh dan pelbagai sokongan dan bantuan akan diberikan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk meningkatkan kapasiti hospital di seluruh negara. Kerajaan juga akan meningkatkan jumlah pemberian vaksin dalam tempoh beberapa minggu akan datang dalam usaha untuk menghasilkan imuniti kelompok di negara ini.

Susulan keputusan kerajaan untuk melaksanakan penutupan penuh sektor ekonomi dan sosial, Kementerian Kewangan akan memperincikan pakej bantuan kepada rakyat dan sektor ekonomi yang terkesan. Pengumuman mengenai pakej bantuan ini akan dibuat dalam masa terdekat.

Semua rakyat Malaysia dinasihatkan untuk terus berdisiplin dan sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan bagi memutuskan rantai jangkitan COVID-19. Yang terbaik ialah duduk di rumah atau **STAY AT HOME** untuk bersama-sama melandaikan lengkung jangkitan COVID-19.

**PEJABAT PERDANA MENTERI
PUTRAJAYA**

28 Mei 2021



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA

SUB-SEKTOR PENGANGKUTAN DAN LOGISTIK YANG DIBENARKAN BEROPERASI SECARA OPTIMA : Semua pihak berkepentingan, pengguna dan pekerja dalam sektor pengangkutan awam serta logistik hendaklah sentiasa mematuhi segala SOP pencegahan COVID-19

Susulan penularan wabak COVID-19 yang masih melanda negara, Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengumumkan pelaksanaan sekatan pergerakan atau 'total lockdown (Fasa Pertama)' bagi semua aktiviti ekonomi dan sosial seluruh negara mulai 1 hingga 14 Jun 2021 dalam usaha mengekang penularan wabak COVID-19.

Sehubungan itu, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ingin memperincikan senarai penuh aktiviti-aktiviti yang dibenarkan termasuk di bawah sub-sektor pengangkutan dan logistik kepada pihak berkepentingan.

KENDERAAN PERSENDIRIAN

- Hanya dua (2) orang termasuk pemandu dibenarkan menaiki sebuah kenderaan persendirian dalam satu masa tanpa mengira kapasiti.
- Namun, tiga (3) orang termasuk pemandu dibenarkan menaiki sebuah kenderaan persendirian dalam satu masa bagi tujuan perubatan (seperti janji temu hospital berserta surat pengesahan doktor atau vaksinasi yang disahkan melalui aplikasi MySejahtera) atau bagi tujuan kecemasan.

TEKSI DAN KENDERAAN E-HAILING

- Hanya dua (2) orang termasuk pemandu dibenarkan menaiki sebuah teksi atau kenderaan e-hailing dalam satu masa tanpa mengira kapasiti. Penumpang hendaklah duduk di tempat duduk belakang.
- Tiga (3) orang termasuk pemandu dibenarkan menaiki sebuah teksi atau kenderaan e-hailing dalam satu masa bagi tujuan perubatan (seperti janji temu hospital berserta surat pengesahan doktor atau vaksinasi yang disahkan melalui aplikasi MySejahtera) atau bagi tujuan kecemasan.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

PENGANGKUTAN AWAM

- Semua pengendali pengangkutan awam darat dan laut dibenarkan beroperasi dengan kapasiti penumpang 50%. Syarikat penerbangan dikecualikan berikutan peraturan penumpang yang sedia ada adalah rendah.
- Semua pengendali dibenarkan untuk menentukan frekuensi atau kekerapan perkhidmatan masing-masing secara optimum untuk mengelakkan kesesakan di terminal, platform dan stesen-stesen, serta memastikan SOP yang ditetapkan MKN dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dipatuhi sepenuhnya.

LOGISTIK

- Syarikat logistik, lapangan terbang dan pelabuhan (lihat di bawah untuk senarai penuh) dibenarkan beroperasi pada tahap optimum. Walau bagaimanapun, pengendali mestilah memastikan pematuhan sepenuhnya terhadap SOP yang ditetapkan MKN dan KKM.
- Syarikat logistik adalah merujuk kepada syarikat yang berkaitan dengan pengangkutan darat, laut, dan udara serta pengendalian barangan termasuk perniagaan e-dagang.

SISTEM SMILE (Sistem Maklumat Industri Logistik)

- MOT akan mengeluarkan surat kelulusan baharu untuk membolehkan syarikat-syarikat yang berdaftar di bawah SMILE dapat beroperasi pada Fasa Pertama sekatan pergerakan atau 'lockdown' ini.
- Semua surat yang dikeluarkan di bawah SMILE sebelum ini adalah terbatal dan tidak sah. Surat kelulusan baharu kini boleh dimuat turun.
- Sila rujuk <https://application.mot.gov.my/> untuk maklumat lebih lanjut.

Seperti biasa, MOT menggesa para kakitangan dan seluruh rakyat Malaysia yang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam supaya mematuhi SOP di semua stesen dan terminal termasuklah menggunakan cecair pembasmi kuman, memakai pelitup separuh muka, mengamalkan penjarakan sosial dan mengimbas kod QR MySejahtera jika diperlukan.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

TRANSPORT AND LOGISTICS SUB-SECTORS ALLOWED TO OPERATE AT OPTIMUM LEVELS : All stakeholders, users, and employees of public transport and logistics must uphold compliance to COVID-19 prevention SOPS

As the country faces unprecedented levels of the COVID-19 pandemic, the National Security Council (MKN) has announced a decision to implement a nationwide 'total lockdown (Phase One)' of most economic and social activities from 1 to 14 June 2021 in an effort to curb further outbreaks.

The Ministry wishes to bring more clarity to our stakeholders by providing a full list of permitted activities that fall under the Transport and Logistics sub-sectors as part of this statement.

PRIVATE VEHICLES

- Only two (2) persons including the driver are allowed at one time in private vehicles regardless of capacity.
- However, up to three (3) persons including the driver are allowed at one time in the event of a medical need (such as hospital visit with doctor's letter or vaccination as validated with MySejahtera) or for security reasons.

TAXIS AND E-HAILING VEHICLES

- Only two (2) persons including the driver are allowed at one time in taxis and e-hailing vehicles regardless of capacity. Passengers must be seated in the rear seats.
- Up to three (3) persons including the driver are allowed at one time in the event of a medical need (such as hospital visit with doctor's letter or vaccination as validated with MySejahtera) or for security reasons.

PUBLIC TRANSPORT

- All operators of land and sea public transportation are allowed to operate at 50% of passenger capacities. Passenger airlines are exempt from this requirement due to already low passenger levels.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

- All operators are allowed to determine their respective optimum service frequencies to prevent crowding on terminals, platforms, and stations, and ensure full compliance to MKN and Ministry of Health (MOH) SOPs.

LOGISTICS

- Airports, ports, and logistics companies (see below for full list) are allowed to operate at optimum levels. However, operators must ensure full compliance to MKN and MOH SOPs.
- Logistics companies are those related to land, sea, and air transportation and handling of goods including e-commerce businesses.

SMILE (Sistem Maklumat Industri Logistik) SYSTEM

- The Ministry will issue new approval letters to allow companies registered under the SMILE to operate during the first phase of the total lockdown.
- All previous letters issued under SMILE are null and void. New approval letters are now available for download.
- Please refer to <https://application.mot.gov.my/> for more information.

As always, the Ministry strongly urges all Malaysians using public transport and in the workplace to practice self-compliance with regards to the SOPs at all stations and terminals including using hand sanitisers, wearing face masks, maintaining physical distancing wherever required, and checking in with MySejahtera QR codes where required.





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

SENARAI PENUH PERKHIDMATAN PERLU YANG DIBENARKAN BAGI SEKTOR PENGANGKUTAN DAN LOGISTIK MULAI 1-14 JUN 2021

FULL LIST OF PERMITTED ESSENTIAL SERVICES IN TRANSPORT AND LOGISTICS FROM 1-14 JUNE 2021

1. Perkhidmatan *freight forwarder*
2. Ejen kastam (*Customs / forwarding agent*)
3. Ejen perkapalan (*shipping agent*)
4. Perkhidmatan pelabuhan, limbungan, jeti dan lapangan terbang (*ports, shipyards, jetties, and airport services*)
5. Perkhidmatan terminal dan feri penumpang dan yang berkaitan seperti operasi pembersihan dan nyahkuman, bengkel pembaikan feri dan lain-lain (*Terminal and passenger ferry services such as cleaning, sanitising, and repairs*)
6. Kren (*Crane*)
7. Aktiviti penstoran (pergudangan, off dock) (Warehousing, storage including off-dock depot)
8. Kenderaan perdagangan hanya dalam kategori perkhidmatan perlu (*haulier, lori, bas, teksi, courier*)
9. Perkhidmatan sewa kenderaan
10. Operasi rel barangan (*freight train*)
11. Operasi kargo udara (*air freight*)
12. Operasi *shipping line* dan *Non-Vessel Operating Common Carrier* (NVOCC)
13. Operasi *Inland Container Depot*
14. Operasi *ancillary services* kepada pengangkutan melalui darat, air atau udara seperti:
 - Pemusnahan dagangan zon bebas (*free trade cargo zone disposal*)
 - *Cargo survey*
 - Pembekalan keperluan kapal (*hardware & refrigerant*)
 - Pembekalan keperluan kapal (*ship chandling*)
 - Kerani hitung banding (*tally clerk*)
 - *Lashing & unlashing*
 - Membekal air bersih (*fresh water supply*)





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

- Membekal pemandu kapal-kapal Ro-Ro (*Ro-Ro stevedore service*)
- *Packing & unpacking*
- Pembekalan minyak bunker kapal (*bunker services*)
- Pembekalan jentera konveyor (*conveyor machinery supply*)
- Pembekalan jentera kren (*crane machinery supply*)
- Pembekalan jentera punggung (*auxiliary cargo equipment*)
- Pembekalan net keselamatan (*safety net supply*)
- Pembekalan *stevedoring gears*
- Pembersihan tumpahan dagangan berbahaya (*hazardous substance spillage cleaning*)
- Penerimaan sisa buangan kapal berjadual (*reception facility for ship schedule waste*)
- Pengendalian dagangan pukal (*bulk cargo handling*)
- Pewasapan kontena (*fumigation*)
- Penerimaan sisa buangan sampah domestik kapal (*garbage disposal*)
- *Stevedoring*
- *Trimming gang*
- Penyelaman (*diving*) bagi aktiviti pengimpalan bawah perut kapal (*underwater hull repair works*)
- Pengerukan dan aktiviti berkaitan termasuk survei bawah laut. (*dredging and underwater survey*)
- Peralihan (*pilotage*)
- Pembekal minyak pelincir kapal (*lubricant*)
- Penerimaan sisa kumbahan kapal (*iwk sahaja*)
- Servis kepada bot & pelabuhan (*boat and port services*)
- *Towing*
- *MRO (maintenance, repair, and operations)*

15. Perkhidmatan Lapangan Terbang (*Airport Services*)

16. Perkhidmatan sokongan (*ancillary*) di lapangan terbang seperti hotel dan Food & Beverages Outlet

17. Perkhidmatan penerbangan Berjadual/Tidak berjadual (penumpang dan kargo) termasuk penerbangan repatriasi

18. Perkhidmatan air specialty seperti medivac (*medical evacuation*)

19. Perkhidmatan penerbangan am (*General Aviation - GA*) (perniagaan dan jet persendirian)





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

20. Perkhidmatan Kawalan Trafik Udara (Air Traffic Control Services)
21. Perkhidmatan Organisasi Pengurusan Kelayakan Terbang Berterusan (Continuous Airworthiness Management Organisation)
22. Perkhidmatan Penyelenggaraan, Pembaikan dan Baik Pulih Pesawat
23. Perkhidmatan Pengendalian Darat (Ground Handling Services) seperti Pengendalian Bahan Api (refuelling), Katering, Pengendalian Kargo, Penumpang, Bagasi, Pentadbiran dan Penyeliaan Darat, Pengendalian Muatan dan Mel
24. Perkhidmatan bas:
 - Bas Henti-henti (*stage bus*)
 - Bas Ekspres (*express bus*)
 - Bas Catar (*chartered bus*)
 - Bas Pelancongan (*tour bus*)
 - Bas Mini (*mini bus*)
 - Bas Pengantara (*shuttle bus*)
 - Bas Lapangan Terbang (*airport shuttle*)
 - Bas Pekerja (*workers' bus*)
25. Perkhidmatan rel penumpang KTMB (ETS, Antarabandar & Komuter), Prasarana/RapidRail (MRT, LRT & Monorel) ERL (KLIA Ekspres & KLIA Transit).
26. Perkhidmatan fasiliti awam di stesen keretapi (public facilities in train stations)
27. Perkhidmatan Maintenance, Repairs and Overhauls (MRO) untuk tren
28. Perkhidmatan terminal pengangkutan awam (*public transport terminals*)
29. Perkhidmatan teksi dan e-hailing bagi menjalankan perkhidmatan mengambil penumpang
30. Operasi courier/p-hailing (penghantaran barangan melalui kenderaan persendirian dan perdagangan)





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

Sektor bukan di bawah kawalselia MOT tetapi berkait dengan sektor pengangkutan dan logistik yang juga dibenarkan

Sectors not under MOT's purview but related to transport and logistics sector allowed to operate

1. Bengkel membaiki kenderaan (*vehicle workshops*)
2. Kedai tayar (*tyre shops*)

(SOP bagi Perkara 1 dan 2 ini adalah di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Malaysia / Items 1 and 2 are subject to SOP under Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs)

**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA
31 MEI 2021**

-TAMAT-

Tentang MOT:

Kementerian Pengangkutan Malaysia bertekad untuk menjadi peneraju transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien dan selamat dengan memperkasakan sistem pengangkutan berteraskan teknologi sebagai pemangkin pembangunan negara.

Pertanyaan Media

**Kementerian Pengangkutan Malaysia
Unit Komunikasi Korporat**

Tel +603 8892 1006 (Setiausaha Akhbar)
+603 8892 1027 (Unit Komunikasi Korporat)
Hotline 1- 800 - 88 - 7723
Faks +603 8892 0208
E-mel sua@mot.gov.my
unitkomunikasikorporat@mot.gov.my



LAMPIRAN 3

**TALIAN BANTUAN LEMBAGA PELABUHAN KELANG SEPANJANG TEMPOH
PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (TOTAL LOCKDOWN)
FASA PERTAMA YANG BERMULA PADA 1 JUN 2021 HINGGA 14 JUN 2021**

JABATAN	PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB	NOMBOR TELEFON / E-MEL UNTUK DIHUBUNGI
JABATAN ZON BEBAS	En. Ahmad Rizal bin Mohd. Yusop (Pengurus Kanan)	012-2159069 03-31688214 (DL) 03-3168 8211 samb. 1024 ahmadrizal@pka.gov.my
JABATAN DAGANGAN BERBAHAYA	En. Nubhan bin Basarudin (Pengurus)	012-3063404 03-31670024 (DL) 03-3168 8211 samb. 1023 nubhan@pka.gov.my
JABATAN GERAKAN MERIN	Kapt. Azmi bin Maaris (Pengurus)	012-6395565 03-31668205 (DL) 03-3168 8211 samb. 3025 azmi@pka.gov.my

PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) DI PELABUHAN KLANG SEMASA PKP

RANGKAIAN LOGISTIK

- Memastikan pelanggan *check in* di pintu utama/ get masuk premis menggunakan Aplikasi MySejahtera atau menulis secara manual nama dan no. telefon sekiranya tiada liputan internet.



- Saringan / imbasan suhu badan perlu dilakukan ke atas semua staf.
- Memastikan penjarakan sosial satu (1) meter di antara satu sama lain.



- Penggunaan pelitup muka oleh semua kakitangan semasa berada di dalam premis.



- Menggunakan cecair pembasmi kuman di semua pintu masuk premis (termasuk lobi utama, kaunter perkhidmatan, kawasan dermaga).
- Mengamalkan kebersihan diri.

RANGKAIAN LOGISTIK

- Mesyuarat / perjumpaan secara fizikal adalah tidak dibenarkan.
- Semua mesyuarat / seminar / latihan / kursus / ceramah di buat secara atas talian (Google Duo, Zoom Webinar, Skype).



- Penyediaan tong sampah khas untuk membuang topeng muka dan sarung tangan yang telah digunakan.
- Pelupusan / pembuangan berjadual bagi tong sampah khas ini perlu diaturkan.

- Perlu menyimpan rekod semua staf, pemain industri dan vendor yang memasuki dan berurusan di premis.



- Kawasan rehat terminal / kawasan awam termasuk kawasan rehat pekerja / ruang solat / dan tandas perlu disanitasi secara kerap.

RANGKAIAN LOGISTIK

- Kawasan beratur perlu ditanda bagi mengekalkan penjarakan sosial (kaunter / mesin angkat (lif) / eskalator).
- Memastikan penjarakan sosial satu (1) meter di antara satu sama lain



- Penganjuran sebarang aktiviti / acara adalah tidak dibenarkan di Pusat Sukan dan Rekreasi.




- Waktu operasi kaunter dihadkan dan menggalakkan transaksi atas talian bagi mengurangkan sentuhan fizikal.



TERMINAL PELABUHAN



- Permohonan baharu / permohonan pembaharuan pas pelabuhan perlu dihantar secara atas talian.



- Pihak Pengurusan perlu menyediakan jadual bertugas dan menentukan staf yang perlu bekerja di tempat kerja seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.

- Kenderaan yang membawa kakitangan daripada bangunan pejabat ke yad kontena perlu disanitasi secara kerap serta dilengkapi dengan cecair pembasmi kuman.



TERMINAL PELABUHAN

- Kafe dan kedai yang beroperasi perlu ditanda bagi mengekalkan penjarakan sosial di kalangan staf dan pelanggan.
- Kafe dibenarkan beroperasi bagi aktiviti pembelian bawa pulang (*take-away*) sahaja.
- Kafe dan kedai perlu kerap disanitasi.



- Kawasan beratur untuk merakam waktu bekerja perlu bagi mengekalkan penjarakan sosial di kalangan staf.
- Alat perakam waktu bekerja perlu disanitasi secara kerap.

- Kerja-kerja pembinaan / pengubahsuaian / baik pulih yang perlu diutamakan oleh pihak pelabuhan hendaklah dilaksanakan.
- Pihak terminal perlu memastikan kontraktor / vendor perlu memastikan norma baharu.



JETI KARGO

- Kapal yang berlabuh perlu memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Pelabuhan Klang 12 jam sebelum ketibaan.
- Keadaan kesihatan dan keselamatan anak kapal perlu dilaporkan kepada Pejabat Kesihatan Pelabuhan.



- Kapal persiaran boleh berlabuh di Boustead Cruise Centre untuk aktiviti *bunkering* / pembekalan bahan makanan dan *sign off* krew kapal warganegara Malaysia.



- Ruang menunggu di kawasan ketibaan dan kawasan pelepasan perlu ditandakan bagi mengekalkan jarak sosial di antara pekerja.

AGENSI-AGENSI KERAJAAN LAIN

- Kelulusan dari OGA kebanyakan dijalankan secara atas talian dan ejen perlu mengemukakan dokumen sokongan untuk diluluskan atas talian.



- Pemeriksaan yang dijalankan perlu mematuhi norma baharu.

DEPOH KONTENA KOSONG

- Waktu Operasi Depoh adalah seperti berikut:
Isnin - Sabtu: 8.00am - 4.00am (hari berikutnya)
Ahad & Cuti Umum: 8.00am - 4.00pm



- Pemandu haulier tidak dibenarkan untuk turun dari *prime mover* ketika berada di dalam kawasan depoh.
- Reach stacker / forklift operators* (termasuk kakitangan pejabat) untuk memakai PPE termasuk pelitup muka dan sarung tangan semasa bekerja.

- Pengendali depoh digalakkan untuk menggunakan pembayaran secara atas talian (*Depot Gate Charge*).

GUDANG



- Waktu Operasi Gudang adalah seperti berikut:
Isnin - Jumaat: 8am - 5pm
Sabtu: 8am - 1pm
Ahad & Cuti Umum: Atas permintaan

- Forklift operators menggunakan PPE termasuk pelitup muka semasa bekerja.



- Kakitangan Kaunter perlu menggunakan pelitup muka semasa bekerja.